No. Soalan: [ 20 ]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]** |
| **TARIKH** | : | **19 MEI 2015** |
| **SOALAN** | : | **Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia dalam pemenjaraan Presiden Mohamed Morsi, Presiden Mesir yang dipilih secara sah oleh rakyat Mesir, yang digulingkan oleh Rejim El-Sisi pada tahun 2012. |

5. Dalam hal ini, Malaysia mengambil pendirian tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara-negara berdaulat sejajar dengan prinsip dasar luar negara kita yang sentiasa menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara. Namun demikian, Malaysia berharap Kerajaan Mesir dapat mewujudkan suasana politik yang inklusif dan aman.

Sekian, terima kasih.